



UPM
UNIVERSITI PUTRA MALAYSIA

FAKULTI REKABENTUK
DAN SENIBINA
فakولتي ريك بنتوق دان سني بينا

Sensasi




<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

www.frsb.upm.edu.my

MAG 2024 | BIL:39

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN



JANGAN TERLALU GHAIRAH DENGAN RUMAH BAHARU SIAP DIBINA.

FAHAMI BAHAYA V.O.C. -Pg4

KEPENTINGAN PENYERTAAN REKA BENTUK DALAM PERANCANGAN DAN REKA BENTUK LANDSKAP -Pg2

DESIGNING AND CULTURE(S) 'RESOLUTIONS' -Pg6

KANDUNGAN

01. TINTA KATA DEKAN

ARTIKEL KEPAKARAN

02. **Jabatan Senibina Lanskap**
KEPENTINGAN PENYERTAAN REKA BENTUK DALAM PERANCANGAN DAN REKA BENTUK LANDSKAP

04. **Jabatan Senibina**
JANGAN TERLALU GHAIRAH DENGAN RUMAH BAHARU SIAP DIBINA. FAHAMI BAHAYA V.O.C.

06. **Jabatan Rekabentuk Perindustrian**
DESIGNING AND CULTURE(S) 'RESOLUTIONS'

BERITA

08. TAKLIMAT PENUBUHAN RESEACRH GROUP & PENUBUHAN RCOE (RESEACRH CENTRE OF EXCELLENT)

10. BENGKEL PENGAJARAN PROGRAM MASTER INOVASI REKA BENTUK PERINDUSTRIAN FRSB UNTUK SEMESTER 2 TAHUN 2023/2024

12. PAMERAN PERABOT KREATIF LESTAREKA TARIK PERHATIAN PENGUNJUNG DI EXPORT FURNITURE EXHIBITION EFE 2024, KLCC

16. TIK TOK PODCAST MCTEM

18. HEALING POD IN URBAN POCKET SPACE

20. LAWATAN SAMBIL BELAJAR PENSYARAH DAN PELAJAR SENIBINA DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI SARAWAK KE FRSB, UPM

22. PORTFOLIO REVIEW MASTER SENIBINA LANDSKAP DAN MASTER REKA BENTUK BANDAR TROPIKA

24. LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI KOLEJ VOKASIONAL PAGOH, JOHOR KE JABATAN SENIBINA LANDSKAP, FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA, UPM.

26. SESI INTERAKSI DAN LAWATAN KERJA YBHG. TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) KE FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA

28. KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI FRSB KE JABATAN LANDSKAP NEGARA

30. BENGKEL PENILAIAN PELAN STRATEGIK FRSB 2021-2025 UNTUK TAHUN 2023 (Q4) DAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN TAKTIKAL TAHUN 2024

32. PELUANG KERJASAMA FRSB - ROYAL INSTITUTE OF SURVEYORS MALAYSIA (RISM) UNTUK PELAN PENGEMBANGAN FAKULTI 2024

34. *BIRTHDAY STAFF FRSB*

SIDANG REDAKASI

Editor:

Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof

Penyelaras Unit Korporat:

Dr. Sazrinee Zainal Abidin

Penulis / Penyumbang Bahan

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Yazid Mohd Yunos
Prof Madya Dr. Mohamad Fakri Zaky Jaafar
Assoc. Prof. Dr. Ahmad Rizal Abdul Rahman
Zetty Fazleen Anuar
Dr. Mohd Faiz Yahaya
Prof. Ts. Dr. Khairul Aidil Azlin Abd Rahman CIDe
Ts. Dr. Maszura Abdul Ghafar
Dr. Annisa Ummi Husna Abdul Ghani
Ar. Dr. Athira Azmi
Azliana Zakaria
Dr. Azmiah Abd Ghafar
Zetty Fazleen Anuar
Madiha Hailani

Editor Berita:

Madiha Hailani

Editor Grafik:

Arizy Valentino Ramli
Mohd Ghazali Razak
Uswah Hasanah Raza

layari Laman Sesawang:

<https://frsb.upm.edu.my/penerbitan>

Copyright © 2024

by Faculty of Design and Architecture,
Universiti Putra Malaysia

Disclaimer

All rights reserved. No part of this book may be reproduced in any form without written permission from the publisher, except by a reviewer who wishes to quote brief passages in a review written for inclusion in magazines or newspapers.



Assalamualikum

Salam Sejahtera kepada semua warga FRSB yg dikasihi.

Bulan Ramadan datang kepada kita setahun sekali dan ianya hadir bersekelian dengan pelbagai keberkatan dan kerahmatan dari Allah S.W.T. Masih tidak terlambat untuk saya mengucapkan selamat meneruskan ibadah puasa dengan azam dan tekad untuk merebut malam Lailatulqadar.

Marilah kita bersama-sama berdoa agar Ramadan pada kali ini mampu menjadikan kita manusia yang lebih baik dan lebih bersyukur. Pada bulan ini, umat islam diberikan peluang untuk melaksanakan pelbagai amal ibadat sunat dan fardhu dengan penghayatan semaksima mungkin bagi mengumpulkan pahala yang berlipat ganda yang dijanjikan. Kita gunakan Ramadan pada kali ini sebagai platform yang terbaik untuk memohon keampunan serta memperhambakan diri dengan sebaik - sebaiknya.

Tinggi harapan saya agar sinar Ramadan yang kita semarakkan ini dapat memperkukuhkan serta menghubungkan jalin lagi hubungan sesama kita baik sebagai rakan sekerja, sahabat handai dan seterusnya sesama kita sebagai khalifah di atas muka bumi ini untuk sama-sama berkerja memakmurkan bumi Allah SWT dengan penuh ketakwaan dan keikhlasan.

Dekan



Penyertaan reka bentuk menggunakan pelan tapak memudahkan peserta memahami konteks tapak cadangan untuk mereka menyertai proses tersebut

KEPENTINGAN PENYERTAAN REKA BENTUK DALAM PERANCANGAN DAN REKA BENTUK LANDSKAP

Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Yazid Mohd Yunos

Penyertaan reka bentuk adalah proses demokratik untuk reka bentuk (sosial dan teknologi) sistem yang melibatkan kerja manusia, berdasarkan hujah bahawa pengguna harus terlibat dalam reka bentuk yang mereka akan gunakan, dan bahawa semua pihak berkepentingan, termasuk dan terutamanya pengguna, mempunyai input yang sama dalam proses interaksi reka bentuk

Penyertaan reka bentuk memainkan peranan penting dalam perancangan landskap, melibatkan pihak berkepentingan, komuniti, dan pengguna akhir dalam proses reka bentuk untuk mencipta ruang luar yang lebih inklusif dan mampan. Pendekatan ini semakin mendapat perhatian dalam beberapa tahun terakhir kerana kemampuannya untuk menyatukan pelbagai pandangan dan meningkatkan penglibatan komuniti.

Artikel ini mengkaji kepentingan partisipasi reka bentuk dalam perancangan landskap dan impak positifnya terhadap kualiti dan kegunaan keseluruhan ruang luar.

Salah satu manfaat utama penyertaan reka bentuk dalam perancangan landskap adalah kemampuannya untuk memastikan reka bentuk akhir selari dengan keperluan dan kehendak komuniti. Dengan melibatkan pihak berkepentingan dari awal, arkitek landskap dapat mendapatkan pandangan yang berharga tentang konteks tempatan, aktiviti, kepentingan budaya, dan keperluan khusus tapak. Pengetahuan ini membolehkan reka bentuk landskap yang tidak hanya estetik tetapi juga berfungsi, mampan, dan mencerminkan identiti komuniti.

Selain itu, penyertaan reka bentuk boleh membawa kepada penyelesaian yang lebih inovatif dan kreatif dalam perancangan landskap. Dengan merangkumi pelbagai suara dalam proses reka bentuk, pereka dapat meneroka pelbagai idea dan konsep yang mungkin tidak dipertimbangkan sebaliknya. Pendekatan kolaboratif ini sering menghasilkan reka bentuk yang unik dan khusus tapak yang meningkatkan kualiti keseluruhan ruang landskap.

Penyertaan reka bentuk juga memupuk rasa memiliki dan bangga di kalangan ahli komuniti. Apabila individu terlibat dalam perancangan dan reka bentuk ruang

awam, mereka lebih cenderung untuk merasai tanggungjawab dan bertanggungjawab terhadap ruang tersebut. Ini boleh membawa kepada peningkatan penglibatan komuniti, penyelenggaraan landskap yang lebih baik, dan rasa *sense of belonging* komuniti yang lebih kuat.

Selain itu, penyertaan reka bentuk dapat membantu mengatasi cabaran sosial dan alam sekitar dalam perancangan landskap. Dengan melibatkan pihak berkepentingan, arkitek landskap dapat mengenal pasti dan memberi keutamaan kepada isu seperti aksesibiliti, pemuliharaan biodiversiti, dan perubahan iklim. Pendekatan proaktif ini boleh menghasilkan reka bentuk landskap yang tidak hanya memenuhi keperluan masa kini tetapi juga menyumbang kepada masa depan yang lebih lestari dan tahan lasak.

Sebagai kesimpulan, penyertaan reka bentuk adalah pendekatan yang berharga dalam perancangan landskap yang boleh membawa kepada ruang, tempat dan aktiviti yang lebih inklusif, mampan, dan berkaitan dengan budaya. Dengan melibatkan pihak berkepentingan dan komuniti dalam proses reka bentuk, arkitek landskap dapat mencipta landskap yang meningkatkan kualiti hidup untuk semua pengguna dan menyumbang kepada kesejahteraan keseluruhan komuniti.



Salah satu teknik Penyertaan Reka Bentuk yang dinamakan 'Planning For Real' menggunakan 3D Model bagi memudahkan proses berlaku dengan lebih interaktif



Sumber imej: mfzdesignhouse.weebly.com

JANGAN TERLALU GHAIRAH DENGAN
RUMAH BAHARU SIAP DIBINA.

FAHAMAMI BAHAYA V.O.C.

Prof Madya Dr Mohamad Fakri Zaky Jaafar



Sumber foto: aquaproof.id

Rumah impian anda baharu saja siap, ataupun baharu sahaja diubah suai. Tentu anda dan keluarga sudah tidak sabar hendak masuk. Tetapi nanti dulu, ada beberapa perkara yang anda perlu tahu. Rumah baharu, atau baharu diubahsuai, tentunya mempunyai bau 'baharu'. Bau cat baharu, bau karpet baharu, bau kabinet dapur yang baharu. sebenarnya bau-bauan ini adalah bau kimia yang dilepaskan oleh bahan-bahan di dalam rumah baharu anda.

Cat yang baru disapu paling ketara. Kebanyakan bau ini adalah merbahaya kepada kesihatan. Bau yang tersebar dari bahan tersebut adalah sekumpulan kimia yang dikelaskan secara umum sebagai *Volatile Organic Compound (VOC)*. Apakah kimia yang terkandung dalam VOC ini dan apakah kesannya? Bagaimana caranya kita mengatasi masalah ini?

Apakah V.O.C.?

VOC adalah merupakan kumpulan bahan kimia yang terampai di udara. Contohnya dari cat, ia adalah bahan pelarut yang terbebas di udara apabila cat mula mengering. Salah satu VOC yang paling banyak di dalam pembinaan ialah formaldehyde. Selain dari itu terdapat benzene, toluene, ethylbenzene, xylene, MTB dan banyak lagi. Bahan2 kimia ini boleh didapati bukan dari cat sahaja, bahkan banyak bahan binaan dan barangan pengguna lain mengandungi VOC, seperti gam kayu, bahan resin dari papan campuran, pelekat karpet, gam untuk lapisan veneer, ubat gegat, simen PVC dan primer dan pelbagai lagi.

VOC boleh menyebabkan simptom seperti pening, mual, mata gatal dan berair, kesukaran bernafas, sakit kerongkong dan lain lain. Bukan itu sahaja, terdapat

bukti yang menunjukkan, terdedah kepada dos VOC yang tinggi dan untuk jangkamasa yang lama, boleh mempunyai kesan jangka panjang kepada manusia seperti keguguran, kecacatan janin, kanser, asma dan sebagainya.

Apakah cara mengurangkan risiko dari masalah ini?

Pertamanya, pilih bahan binaan yang mempunyai nilai VOC yang rendah. Biasanya produk seperti ini akan dilabel '*Low V.O.C.*'. Buat masa ini ia agak mahal berbanding produk biasa. Walaubagaimanapun harga produk ini semakin murah dan menyaingi harga produk biasa kerana semakin banyak permintaan untuknya. Ini adalah kerana semakin ramai pengguna yang sedar akan bahayanya produk yang mempunyai VOC yang tinggi.

Keduanya, pengudaraan. Tingkap ke ruang yang baharu dicat atau diubahsuai hendaklah sentiasa dibuka supaya udara luar boleh masuk dengan banyak. Elakkan berada di dalam sesebuah bilik sekiranya masih terdapat bau yang kuat. Sebaik-baiknya, sebuah bilik yang baharu dibina dan diubahsuai tidak diduduki dahulu, dan dibiarkan terdedah kepada udara luar sehingga bau tersebut hilang. Di waktu siang buka tingkap dan pintu seluas-luasnya. Ini mungkin perlu dilakukan sehingga satu atau dua minggu. Namun begitu masih terdapat produk yang mengeluarkan VOC ini perlahan-lahan untuk jangkamasa yang lama. Sekiranya anda mempunyai lebihan cat, atau gam yang tidak digunakan, pastikan ia ditutup dengan kedap dan diletakkan di dalam stor yang mempunyai pengudaraan yang baik.

DESIGNING AND CULTURE(S) 'RESOLUTIONS'

Assoc. Prof. Dr. Ahmad Rizal Abdul Rahman



(Sumber : Anonymous Images from internet)



(Sumber : Anonymous Images from internet)

Many studies of design competitiveness in global markets, states that a region's culture and quality of life are significant elements in the product development process despite the movement towards global communications, economy and awareness. The designers should demonstrate more responsibility for the impact of their designs, not just by meeting the customer's need but also by preserving cultural 'lifestyle' variety and values.

A successful product should be seen not just as a technical solution in overall but also as a package of 'cultural' solutions. Its success is also due to a successful understanding of the values, institutional arrangements and economic notions of the culture the product is targeted which includes ethnicity, belief, tradition, diversity and nation of the user.

Most scholars related to 'Product Design and Culture Factors' also claims that a product's function, ergonomics, and cognitive aspect should be understood by designers and argues that the key ingredient in developing a successful product is a degree of which, they coined as 'cultural fit'. However, users culturally determined needs may be particularly unpredictable in a changing society, as many parts of the world is experiencing a global culture changes in products offered and users need and demands is transforming rapidly.

Bloch (1995:22), in his consumer response studies, argues that preferences for product form are much driven by cultural factors and claims that nearly all Japanese auto manufacturers are setting up their studios in the United States with the aim of ensuring the commercial success of their products by paying

more attention to understanding Americans' culturally determined needs and demands.

According to Leinbach(2002:3), design should no longer be seen as a styling shape or just an art object but products should be designed and produced with appropriate features including functional cultural aspects which could provide a more competitive edge in the market. Rodriguez et al. (2006) have suggested that in creating products for current emerging markets, designers should become involved in a deep understanding of the needs and context of the people within it.

In current, it is becoming increasingly difficult to ignore the changes in users' lifestyles, tastes, demands and cultural values with the products people employ in their daily lives.

Fig 01 - Some design trends does not change the traditional cultural practices in action.

Fig 02 - Certain product designed changes over time due to comfort, safety and cultural lifestyle demand.

As culture is understood to be a 'way of life' and is integrated with products that people use (Hofstede 2005), the study of products' transformation and understanding users' experience can be useful for designers in attempting to understand and respond to this situation. In most situation encountered, designers are required to offer more than just an improved version or a new product, but rather an appropriate design and social engagement system in which design and designer can both play a role in the social investigation that informs designing.

TAKLIMAT PENUBUHAN
Research Group dan Penubuhan RCOE fakulti

OLEH TIMBALAN DEKAN PENYELIDIKAN,
 INOVASI & SISWAZAH, FRSB UPM.
Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Zairul Mohd Noor

Bilik Inspireka, FRSB UPM
21 Mac 2024 (Khamis) | 2.00 Petang
 Semua staf dijemput hadir

UPM UNIVERSITI PUTRA MALAYA
 UPM
 FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA
 FAKULTY OF DESIGN AND ARCHITECTURE
 فاكولتي ريبك بنتوق دان سني بيبنا

@frsbupm
 www.frsb.upm.edu.my

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
 WITH KNOWLEDGE WE SERVE

TAKLIMAT PENUBUHAN RESEACRH GROUP & PENUBUHAN RCOE (RESEARCH CENTRE OF EXCELLENCE)

Zetty Fazleen Anuar

Pada 21 Mac 2024 yang lalu, Pejabat Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi, dan Siswazah) Fakulti Rekabentuk dan Senibina telah mengadakan taklimat penting bagi semua Pegawai Akademik. Bertempat di Bilik Seminar, taklimat ini bertujuan untuk memperkenalkan penubuhan Research Group (RG) dan Research Center of Excellence (RCOE) serta memastikan pemahaman yang mendalam mengenai peranan masing-masing dalam meningkatkan aktiviti penyelidikan di FRSB. Taklimat di sampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Zairul Mohd Noor, Timbalan Dekan (Penyelidikan, Inovasi dan Siswazah) dengan memberikan penjelasan yang komprehensif dan menekankan kepentingan inisiatif ini dalam mencapai kejayaan dan kecemerlangan yang selari dengan misi dan visi FRSB dan UPM.

Penubuhan Research Group dan RCOE ini menjadi langkah penting dalam menempa kejayaan penyelidikan di FRSB. Diharapkan dengan struktur ini, kolaborasi di antara ahli kumpulan serta sumber dan kepakaran yang dipertaruhkan akan meningkatkan kecekapan dan keberkesanan penyelidikan yang dijalankan. Adalah penting bagi setiap ahli akademik FRSB untuk menyokong dan melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh RG dan RCOE. Ini akan memastikan kelancaran pelaksanaan inisiatif serta mencapai hasil yang lebih optimum dalam bidang penyelidikan.

Dengan demikian, harapan bersama bahawa penubuhan Research Group dan RCOE ini akan menjadi titik permulaan bagi pencapaian kecemerlangan penyelidikan di FRSB, serta menyumbang kepada pencapaian misi dan visi FRSB dan UPM secara menyeluruh.





BENGKEL PENGAJARAN PROGRAM MASTER INOVASI REKA BENTUK PERINDUSTRIAN FRSB UNTUK SEMESTER 2 TAHUN 2023/2024.

Dr. Mohd Faiz Yahaya

SERDANG, 7 Mac 2024 – Bengkel Pengajaran Program Master Inovasi Reka Bentuk Perindustrian (MIDI) FRSB untuk semester 2 dan 3 Tahun 2023/2024 telah diadakan bertempat di Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia. Bengkel yang berlangsung selama satu hari ini telah dihadiri oleh ahli akademik dari Jabatan Reka Bentuk Perindustrian dan staf pelaksana jabatan yang lain bagi sama-sama membincangkan serta merancang pengisian program untuk semester 2 dan 3 tahun 2023/2024.

Bengkel ini turut membincangkan perancangan promosi program ini. Pelbagai cadangan dan langkah yang baik telah diambil maklum untuk dilaksanakan bagi memastikan program ini kekal relevan dan mendapat lebih sambutan pada sesi pengambilan yang akan datang.

Pihak penyelaras MIDI juga mengambil peluang merakamkan penghargaan kepada semua staf jabatan yang hadir serta mengucapkan terima kasih kepada fakulti di atas sokongan yang diberikan kepada program ini.





KUALA LUMPUR, 4 Mac 2024 - Eksport Furniture Exhibition atau dikenali sebagai EFE merupakan pameran perabot peringkat antarabangsa yang menghimpunkan pengeluar-pengeluar perabot tempatan dan antarabangsa. Pameran ini sentiasa mendapat perhatian seluruh dunia berdasarkan pertambahan bilangan penyertaan pengeluar dari masa ke semasa. Nilai eksport perabot Malaysia pada tahun 2022 telah mencapai RM 13.8 billion. Penyelidik INSIDE RG dari Jabatan Rekabentuk Perindustrian telah

menyertainya sejak tahun 2015 dan telah mendapat impak positif dari pihak industri serta liputan yang meluas di dalam media cetak dan media elektronik. Pada tahun ini, EFE 2024 diadakan pada 4 - 7 Mac 2024 bertempat di Kuala Lumpur Convention Centre (KLCC). Malaysian Furniture Promotion Council (MFPC) sebagai penganjur juga telah menaja pembiayaan secara inkind bernilai RM 41, 230 untuk tapak pameran berukuran 54 meter persegi kepada FRSB, UPM.



Justeru, Penyelidik INSIDE Research Group dari Jabatan Reka Bentuk Perindustrian yang diketuai oleh Prof Ts Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman CIDE menyelaras pameran dan merancang susun atur reka bentuk pameran tersebut. Sebanyak 10 prototaip perabot berkonsepkan "LESTAREKA"(Lestari Reka) oleh kumpulan penyelidik dari pelbagai program dan projek pelajar FRSB dipamerkan. Konsep perabot kreatif Lestareka adalah menggunakan bahan-bahan terbuang seperti buluh, kayu, besi kain, dan kertas diolah dan direkabentuk menjadi perabot yang unik. Pameran ini mendapat kerjasama industri seperti

Tadom Hill, KOOP FTTP Perak dan Urban Tree yang menyumbang bahan mentah untuk pembuatan perabot. Penyertaan ini bukan sahaja telah menaikkan nama jabatan serta fakulti dan juga visibiliti universiti, malah ia juga merupakan peluang yang baik untuk pihak kumpulan penyelidik / pensyarah menjalinkan kerjasama dengan pengeluar-pengeluar perabot di Malaysia dan antarabangsa. Kesimpulannya, penyertaan ini telah mempromosikan semua program Sarjana Muda, Sarjana dan PhD yang ditawarkan di Fakulti Rekabentuk dan Senibina.

Pensyarah dan pelajar yang mempamerkan hasil karya mereka adalah seperti berikut:-

1. Prof Ts Dr Khairul Aidil Azlin Abd Rahman CIDE
2. Prof Madya Ts Dr Nazlina Shaari CIDE
3. Prof Madya LAr Dr Mohd Yazid Mohd Yunos
4. Ts Dr Rosalam Che Me
5. Dr Siti Mastura Md Ishak
6. Dr Sarah Abdulkareem Salih
7. Mahmood Bghdadi
8. Dr Mohd Amirul Hussain - UPSI
9. Dr Nor Ziratul Aqma Norzaman

Berikut adalah pelajar-pelajar yang turut membantu dalam menjayakan pameran ini:-

1. Nadhiratul Shahira Hassan – Jabatan Rekabentuk Perindustrian
2. Hani Lyiana Mohd Keri - Jabatan Rekabentuk Perindustrian
3. Norhafizah Rosli - Jabatan Rekabentuk Perindustrian
4. Tuan Nur Zahirah Tuan Zahapar- Jabatan Senibina
5. Nurul Adlyna Mohd Khairuddin - Jabatan Senibina
6. Aalia Nafeesa Abdul Nasir - Jabatan Senibina
7. Nurshafiqah Mohd Sadad - Jabatan Senibina



TIKTOK PODCAST MCTEM

Ts. Dr. Maszura Abdul Ghafar

Satu Podcast live telah diadakan di platform Tiktok FRSB pada 4 Mac 2024 kelmarin untuk menguar-warkan Program Master baru MCTeM (Master in Construction Teknologi Management) di bawah Jabatan Senibina yang akan dibuka untuk pendaftaran sehingga Julai 2024 ini. Ts. Dr Maszura, Ar. Dr Athira dan Prof. Dr. Rahinah telah membincangkan bagaimana program MCTeM dapat membantu skil profesional ke arah celik informatiks digital dengan keunikan "Integrated futures studio" yang akan membantu profesional Alam Bina untuk membuat keputusan

dengan cekap, yakin dan produktif. Skil *leadership* yang dipelajari di MCTeM juga dapat meningkatkan pulangan gaji yang lebih tinggi dan kompetitif. Ulang tayang podcast pertama MCTeM bolehdi tonton menerusi akaun FB Mctem (jangan lupa *like & Share*). frsb atau tiktok mctem.frsb.

Bagi sesiapa yang terlepas Podcast yang pertama boleh sertai lagi Podcast live MCTeM kedua pada 4 April 2024 2 petang di FB MCTem Live atau di tiktok FRSB.UPM.

Jumpa di sana!



**FAKULTI REKABENTUK
DAN SENIBINA**
FACULTY OF DESIGN AND ARCHITECTURE
فاكولتي ريكابنتوق دان سني بيبنا



TIKTOK PODCAST

LIVE

What does Integrated Futures Studio (IFS) do in MCTEM?



AR DR ATHIRA
PODCASTER 2



TS DR MASZURA
PODCASTER 1



PROF TS DR RAHINAH
PODCASTER 3

TikTok
@frsbupm

Monday, March 4
At 2:00 PM
Malaysia Time



@frsbupm
www.frsb.upm.edu.my

SCAN HERE FOR MCTEM INFO
registration & inquiries: mctem@upm.edu.my



HEALING POD IN URBAN POCKET SPACE

Dr. Annisa Umami Husna Abdul Ghani

Our first-year architecture studio embarks on a journey in designing the "Healing Pod", a life-size structure that embodies their understanding of design elements and principles with an emphasis on scale, function, and form consideration. The Healing Pod as its name says serves as a habitat that can be occupied for a day, a resting place that allows the user to feel most comfortable. Remarkably, the students embraced a challenge by limiting themselves to the use of cardboard as the sole material for the Healing Pod. This constraint led to an innovative approach, resulting in a structure that allows the process of assembly and disassembly. The key feature lies in the seamless integration of folding, weaving, interlocking, and pleating techniques, showcasing the students' prowess in exploring diverse methods to enhance structural integrity.



The Healing Pods were assembled and displayed in an urban pocket space near the "River of Life" development, nestled between the Sultan Abdul Samad building and Masjid Jamek in Kuala Lumpur. This location served as a dynamic backdrop for the manifestation of their creative endeavours. The students had the opportunity to present their designs to the passersby, creating an interactive dialogue that transcended traditional design showcases. Engaging with the audience, they shared the intricacies of their design processes, providing a glimpse into the innovative thinking that fueled the creation of the Healing Pods.





LAWATAN SAMBIL BELAJAR PENSYARAH DAN PELAJAR SENIBINA DARI UNIVERSITI TEKNOLOGI SARAWAK KE FRSB, UPM

Ar Dr. Athira Azmi

SERDANG, 4 Mac 2024 - Jabatan Senibina menerima kunjungan lawatan sambil belajar pelajar semester 6 - Comprehensive Design Studio (CDP) dari Universiti Teknologi Sarawak ke Fakulti Rekabentuk dan Senibina, Universiti Putra Malaysia.

Penyelaras Program Bachelor, Ar Nik Fazlisham telah berkongsi hasil kerja pelajar senibina UPM, dibantu oleh Dr. Sarah Salih untuk membawa rombongan melawat Galeri Senibina yang mempamerkan projek-projek terpilih.

Penyelaras Program M.Arch, Ar Aznida dan Penyelaras Program MCTeM, Ts Dr. Maszura turut mengambil kesempatan untuk mempromosikan Program Master of Architecture (M.Arch) dan Master in Construction Technology Management (MCTeM) yang ditawarkan di UPM sebagai peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat master kepada pelajar-pelajar tahun akhir dari Universiti Teknologi Sarawak ini.

Lawatan turut disantuni oleh pensyarah-pensyarah Jabatan Senibina yang lain seperti Pn Ida Suriana, Ar Meor Fared, Dr Umami, En. Mahmoud Bghdadi dan En. Syakir Mahadzir.

Semoga lawatan ini memberi manfaat kepada semua dan menguatkan jalinan antara institusi senibina UPM & Universiti Teknologi Sarawak.





PORTFOLIO REVIEW MASTER SENIBINA LANDSKAP DAN MASTER REKA BENTUK BANDAR TROPIKA

Azliana Zakaria

SERDANG, 15 Februari 2024 – Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Rekabentuk dan Senibina, UPM telah berjaya menganjurkan Portfolio Review bagi program Master Senibina Landskap (MLA) dan Master Reka Bentuk Bandar Tropika (MTUD) Semester Pertama 2023/2024.

Objektif program Portfolio Review ini adalah mempamerkan hasil pembelajaran dan pengajaran secara formal, menyemak hasil kerja pelajar yang telah dilaksanakan pada semester ini dan yang penting, mendapatkan maklumbalas dari Arkitek Landskap profesional terhadap hasil kerja pelajar dari kohort program yang ditawarkan.

Empat orang Penilai bagi program Master Senibina Landskap adalah Prof. Madya Dr. Khalilah Zakaria (UIAM), Ts. Muhamad Adli Salihin Samsudin (Jabatan Pertanian), LAr. Marina Daud (Elle Reka Sdn. Bhd.) dan

LAr. Khairunnisa Mohd Zaini (MBSA). Manakala bagi Master Reka Bentuk Bandar Tropika pula Panel Penilai terdiri daripada Ts. Dr. Suhaila Abdul Rashid (JKR) dan Ar. Choo Heng Huat (Heng Architect).





LAWATAN SAMBIL BELAJAR DARI KOLEJ VOKASIONAL PAGOH, JOHOR KE JABATAN SENIBINA LANDSKAP, FRSB, UPM

Dr. Azmiah Abd Ghafar

SERDANG, 27 Februari 2024- Fakulti Rekabentuk dan Senibina telah menerima kunjungan lawatan sambil belajar dari Kolej Vokasional Pagoh, Muar, Johor. Seramai 28 orang pelajar dan 4 orang pensyarah daripada program Diploma Senibina Landskap telah menyertai lawatan tersebut. Delegasi disambut oleh Ketua Jabatan Senibina Landskap, LAr. Ts. Dr. Roziya Ibrahim. Lawatan turut disantuni oleh para pensyarah daripada Jabatan Senibina Landskap. Lawatan dimulakan dengan taklimat serta sesi soal jawab bersama Ketua Jabatan Senibina Landskap, LAr. Ts. Dr. Roziya Ibrahim berkenaan fakulti dan program jabatan. Seterusnya, beliau turut berkesempatan mempromosikan Program Bachelor yang ditawarkan di fakulti kepada pelajar-pelajar Kolej Vokasional Pagoh sebagai peluang melanjutkan pelajaran selepas menamatkan Program Diploma.

Para pelajar kemudiannya, mendengar perkongsian ilmu yang disampaikan oleh Prof. Madya Ts. Dr. Mohd Yazid Mohd Yunos berkenaan isu-isu semasa dalam bidang Senibina Landskap. Diantara isu menarik yang dikupas ialah landskap merupakan suatu terapi, budaya dan boleh dijadikan sumber keterjaminan

makanan. Beliau juga menekankan mengenai landskap edibel. Di mana ia boleh didefinisikan sebagai suatu gaya landskap kediaman yang diolah menggunakan spesies tanaman yang boleh dimakan dan boleh juga diselangsungkan dengan tumbuhan hiasan. Menariknya, beliau mengakhiri sesi perkongsian tersebut dengan melakukan aktiviti senaman minda-Lazy Eight. Dimana semua pelajar dan pensyarah iringan diminta berdiri untuk turut sama melakukan senaman tersebut.

Para pelajar kemudiannya dibawa melawat fasiliti disekitar fakulti serta dibawa melihat hasil kerja pelajar Master Senibina Landskap di Studio MLA 1, dibantu oleh Dr. Azmiah Abd Ghafar. Lawatan sambil belajar tersebut diakhiri dengan mengunjungi Uniputra Golf Club bagi melihat pengurusan turf yang diiringi oleh 2 orang pegawai pertanian, En. Mohd Hasrul Hasan dan En. Muhammad Azlan Abdullah.

Jabatan Senibina Landskap amat berbesar hati menerima kunjungan dan lawatan sambil belajar ini. Semoga hubungan kerjasama ini akan terjalin lagi pada masa akan datang.



**SESI INTERAKSI DAN
LAWATAN KERJA**

Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Putra Malaysia

YBHG. PROFESOR DR. ZAMBERI SEKAWI
ke
Fakulti Rekabentuk dan Senibina

23 Februari 2024 (Jumaat) | 9.00 Pagi | Bilik Seminar, FRSB

www.frsb.upm.edu.my

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU BERBAKTI
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

SESI INTERAKSI DAN LAWATAN KERJA

YBHG. TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI) KE FAKULTI REKABENTUK DAN SENIBINA

Zetty Fazleen Anuar

SERDANG, 23 Februari 2024 – Satu Lawatan Rasmi dan Sesi Interaksi oleh YBhg. Prof. Dr. Zamberi Sekawi, Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi), Universiti Putra Malaysia (UPM) ke Fakulti Rekabentuk dan Senibina telah diadakan pada 23 Januari 2024. Lawatan ini yang turut disertai oleh YBhg. Prof. Ir. Dr. Kamarul Arifin Ahmad (Pengarah, Putra Science Park), Encik Md. Nizam Mahat@Ibrahim (Ketua, Bahagian Pengurusan Makmal Universiti) dan En. Mohd Khairi Hasan (Pegawai Khas, TNCPi) telah disambut oleh Dekan FRSB, Prof. Madya Mohd Johari Mohd Yusof, ahli pengurusan tertinggi dan juga Pegawai Akademik FRSB.

Melalui sesi lawatan dan interaksi ini, Dekan FRSB telah membentangkan dan memberi penerangan mengenai pencapaian, plan perancangan serta hala tuju FRSB untuk skop penyelidikan serta inovasi.

YBhg. Prof. Dr. Zamberi juga berkongsi pandangan dan hasrat beliau bagi memperkasakan peranan Fakulti di UPM sebagai peneraju bidang penyelidikan dan sekaligus sebagai pusat rujukan bagi pihak industri.

Sesi lawatan dan interaksi ini diharapkan akan memberi dorongan serta inspirasi kepada FRSB untuk terus mengukuhkan peranannya sebagai pemangkin utama dalam bidang rekabentuk dan senibina serta menyumbang kepada kemajuan industri dan masyarakat secara keseluruhannya.





KUNJUNGAN HORMAT DELEGASI FRSB KE JABATAN LANDSKAP NEGARA

Madiha Hailani

PUTRAJAYA, 13 Mac 2024 - Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof, Dekan Fakulti Rekabentuk dan Senibina telah membuat satu Kunjungan Hormat kepada Tuan Mansor Mohamad, Ketua Pengarah Jabatan Landskap Negara (JLN). Turut bersama dalam lawatan tersebut adalah Prof. Madya Dr. Zalina Shari (Timbalan Dekan Akademik, Alumni dan Hal Ehwal Pelajar) bersama Penolong Pendaftar Kanan Pejabat TDAAH iaitu Dr. Jamali Janib, Prof. Madya Ts. Dr. Shahrizal Dolah CiDE (Timbalan Dekan JINM dan Pembangunan), Prof. Madya Dr. Shureen Faris Mohd Shukor (Ketua Jabatan Senibina Landskap) beserta ahli jabatan LAr. Ts. Dr. Osman Mohd Tahir dan Ts. Emran@Zahrin Mohamad Taram.

Tujuan sesi kunjungan hormat ini adalah bagi menyampaikan hasrat fakulti untuk mengadakan kerjasama bersama Jabatan Landskap Negara dari segi pembentukan program baru dan peluang penyelidikan yang bakal memberikan manfaat kepada kedua-dua belah pihak. Lawatan ini merupakan salah satu inisiatif dalam menjayakan pelan pembangunan program akademik fakulti tahun 2024 yang telah dibincangkan baru-baru ini dalam Bengkel Penilaian Pelan Strategik Tahun 2023 (Q4) dan Perancangan Pelan Strategik dan Taktikal 2024 Fakulti Rekabentuk dan Senibina .





BENGKEL PENILAIAN PELAN STRATEGIK FRSB 2021-2025 UNTUK TAHUN 2023 (Q4) DAN PERANCANGAN STRATEGIK DAN TAKTIKAL TAHUN 2024

Madiha Hailani

PUTRAJAYA, 3 Mac 2024 – Bengkel Penilaian Pelan Strategik FRSB 2021-2025 untuk tahun 2023 (Q4) dan Perancangan Strategik dan Taktikal Tahun 2024 telah diadakan pada 3-4 Mac 2023 di Pulse Grande Hotel, Putrajaya Convention Centre. Bengkel yang berlangsung selama 2 hari ini telah dihadiri oleh ahli pengurusan dan beberapa ahli fakulti yang lain bagi sama-sama membincangkan serta menganalisa pencapaian bagi tahun 2023.

Bengkel ini turut membincangkan Perancangan Pelan Strategik dan Taktikal untuk tahun 2024 Fakulti Rekabentuk dan Senibina. Ahli fakulti yang hadir telah menyumbangkan idea serta saranan yang baik untuk memastikan inisiatif pada tahun 2024 dapat direalisasikan dalam usaha memacu kecemerlangan berterusan fakulti.

Pihak pengurusan juga mengambil peluang untuk menghargai mantan pengurusan yang hadir serta mengucapkan terima kasih atas jasa serta sumbangan mereka kepada fakulti.

Semoga FRSB terus melakar kecemerlangan untuk tahun 2024.





PELUANG KERJASAMA FRSB - ROYAL INSTITUTE OF SURVEYORS MALAYSIA (RISM) UNTUK PELAN PENGEMBANGAN FAKULTI 2024

Madiha Hailani

PETALING JAYA, 18 Mac 2024 - Fakulti Rekabentuk dan Senibina telah mengadakan kunjungan hormat yang ketiga ke agensi/institusi berkaitan dalam usaha menjayakan pelan pembangunan dan pengembangan program akademik fakulti tahun 2024. Untuk lawatan kali ini, FRSB telah berkunjung ke Royal Institute of Surveyors Malaysia (RISM). Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof (Dekan) telah mengetuai delegasi tersebut dan disertai oleh Prof. Madya Dr. Zalina Shari (Timbalan Dekan Akademik, Alumni dan Hal Ehwal Pelajar), Ar. Dr. Athira Azmi (Ketua Jabatan Senibina) dan Ts Dr. Maszura Abdul Ghafar (Pensyarah Kanan dan Penyelaras Program MCTEM).

Taklimat berkenaan penubuhan RISM dan peranan pertubuhan tersebut dalam memajukan bidang ukur bahan telah disampaikan oleh Sr Dr. Muhammad Imran bin Zin Zawawi (Setiausaha Bahagian / Jawatan kuasa Keahlian) dan Prof. Madya Sr Dr. Saipol Bari bin Abd Karim Ahli Majlis, RISM / Ahli Jawatan kuasa Akreditasi. Turut serta secara dalam talian adalah Sr Nazir bin Muhammad Nor, Naib Presiden (Ukur Bahan)/Pengerusi dan Sr Wan Ainon Zuraiha Wan Abd Khalid, Penasihat Bahagian Ukur Bahan

Prof. Madya Ts. Gs. Dr. Mohd Johari Mohd Yusof telah menyampaikan hasrat serta cadangan fakulti untuk menubuhkan jabatan berkaitan pengurusan bangunan dan hartanah. Beliau juga berharap agar cadangan tersebut dapat direalisasikan dan mendapat sokongan serta kerjasama dari pihak RISM.

Kunjungan ini diharap dapat membuka peluang kepada FRSB dan RISM untuk menerokai bentuk kerjasama baharu pada masa akan datang.



HAPPY BIRTHDAY

March

En. Hairul Hisham bin Hassan (2 March)

PM Dr. Mohamad Fakri Zaky Jaafar (9 March)

LAr. Mohd. Nazri Saidon (13 March)

Prof. Madya Dr. Shureen Faris Abd Shukor (15 March)

En. Mohd Redza Maadun (15 March)

Ar. IDr. Nor Suhana Noordin (17 March)


Pn. Iniyati Kadri (19 March)


Pn. Nurazlin Jaafar (20 March)

Ar. IDr. Nik Fazlysham Nik Mat (26 March)

Ts. Dr. Saiful Hasley Ramli (26 March)



 www.facebook.com/frsbupm

 www.youtube.com/frsbupm

 www.flickr.com/photo/frsb

PERTANIAN • INOVASI • KEHIDUPAN

BERILMU **B**ERBAKT **I**
WITH KNOWLEDGE WE SERVE

www.frsb.upm.edu.my